

Penguasaan Bacaan Dan Pelaksanaan Solat Di Kalangan Pelajar Muslim Di Politeknik

Norita Binti Abd Aziz

Mohamad Bazli Bin Md Radzi

Natrah Binti Mat Noor

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Kuching Sarawak

norita@poliku.edu.my, m.bazli@poliku.edu.my

natrah@poliku.edu.my

Abstrak

Solat merupakan satu ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Solat yang sempurna dapat menjauhkan manusia dari segala perbuatan mungkar. Kajian ini memfokuskan kepada penguasaan bacaan dan pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar Muslim di Politeknik Kuching Sarawak. Hal ini kerana isu pemahaman dan pengamalan solat yang lemah dalam kalangan pelajar Muslim di Politeknik Kuching Sarawak sering ditimbulkan oleh pelbagai pihak terutamanya para pensyarah. Kajian ini adalah kajian tindakan yang melibatkan kaedah pemerhatian dan temu bual. Seramai 30 orang pelajar dipilih untuk mengikuti kajian ini. Berdasarkan tinjauan didapati hampir sebahagian besar pelajar tidak menguasai bacaan dengan baik dan tidak melaksanakan solat dengan sempurna. Ini adalah kerana melalui temu bual yang dijalankan mereka mengatakan bahawa ramai di kalangan mereka meninggalkan solat ialah kerana sikap malas dan akibat daripada pengaruh media dan rakan sebaya. Perkara ini perlu dipandang serius oleh semua pihak untuk menjadikan amalan solat sebagai rutin harian pelajar. Oleh itu, beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak tertentu untuk diambil tindakan bagi meningkatkan penguasaan bacaan dan pengamalan solat dalam kalangan pelajar Muslim khususnya di Politeknik Kuching Sarawak.

Pengenalan

Solat merupakan asas dan tiang agama dalam Islam. Solat juga adalah merupakan rukun Islam yang kedua sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Umar ra, iaitu:

Maksudnya: "Dari ibn Umar ra, katanya: Rasulullah SAW bersabda: "Islam itu dibina dan ditegakkan diatas lima dasar (lima rukun), iaitu mengucap dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Oleh yang demikian, kefardhuan menunaikan solat adalah menjadi kewajipan setiap muslim. Sebelum menunaikan solat, apa yang penting ialah ilmu berkaitan solat seperti syarat wajib solat, syarat sah solat rukun-rukun solat, dan juga perkara yang membatalkan solat. Disamping itu juga,

solat hendaklah dilaksanakan dengan khusyuk dan tawaduk agar solat yang dipersembahkan dengan sebaik yang mungkin kepada Allah s.w.t.

Pendidikan berkenaan solat hendaklah dititikberatkan oleh kedua ibu bapa sebermula anak-anak mencapai usia 7 tahun. Sekiranya mencapai usia 10 tahun masih belum menunaikan solat, hendaklah anak-anak tersebut dirotan bagi tujuan pendidikan dan bukan bagi tujuan penderaan. Sekiranya kita melaksanakan apa yang telah disyorkan oleh Islam, kita akan dapat mendidik dan melahirkan generasi yang dapat menunaikan solat dengan sebaik yang mungkin. Kesan pelaksanaan solat dikalangan remaja akan dapat meningkatkan kesedaran dikalangan remaja dan melahirkan persekitaran yang baik.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti tahap penguasaan bacaan solat pelajar Politeknik
2. Mengenalpasti pelaksanaan solat pelajar Politeknik

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian tindakan yang melibatkan kaedah pemerhatian dan temu bual. Kajian ini melibatkan pelajar semester dua yang mengambil kurikulum Sains Teknologi Dan Kejuruteraan Dalam Islam di Politeknik Kuching Sarawak. Seramai 30 orang pelajar dipilih untuk menjadi respondan bagi kajian ini bagi membantu untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan pengamalan solat. Permohonan menjalankan penyelidikan tindakan ke atas pelajar telah diperolehi daripada Ketua Jabatan. Respondan diterangkan secara bersemuka tentang tujuan penyelidikan, perkara yang akan dilakukan, tempoh penglibatan dalam penyelidikan, jenis data yang akan dikumpulkan dan penglibatan mereka dari segi penarikan diri dan hak peserta kajian.

Pelaksanaan Kajian

Jadual 1- Taburan Pelajar

| JANTINA | KEKERAPAN | PERATUS (%) |
|-----------|-----------|-------------|
| Lelaki | 18 | 60 |
| Perempuan | 12 | 40 |

Jadual 2- Tinjauan Penguasaan Bacaan Solat

| PENYATAAN/ ITEM | CARA PENILAIAN | KUMPULAN SASARAN | TUJUAN |
|--------------------|-------------------|---------------------|--|
| Bacaan doa iftitah | Pemerhatian | Semua respondan | Mengenalpasti tahap bacaan doa iftitah murid melalui amali solat |
| Bacaan al-Fatihah | Pemerhatian | Semua respondan | |

| | | | |
|-------------------------------|-------------|-----------------|---|
| Bacaan surah pilihan | Pemerhatian | Semua respondan | Mengenalpasti tahap bacaan al-Fatihah murid melalui amali solat |
| Bacaan rukuk | Pemerhatian | Semua respondan | Mengenalpasti tahap bacaan surah pilihan murid melalui amali solat |
| Bacaan iktidal | Pemerhatian | Semua respondan | Mengenalpasti tahap bacaan rukuk murid melalui amali solat |
| Bacaan sujud | Pemerhatian | Semua respondan | Mengenalpasti tahap bacaan iktidal murid melalui amali solat |
| Bacaan duduk antara dua sujud | Pemerhatian | Semua respondan | Mengenalpasti tahap bacaan sujud murid melalui amali solat |
| Bacaan doa Qunut | Pemerhatian | Semua respondan | Mengenalpasti tahap bacaan duduk antara dua sujud murid melalui amali solat |
| Bacaan Tahiyat Akhir | Pemerhatian | Semua respondan | Mengenalpasti tahap bacaan doa Qunut murid melalui amali solat |
| | | | Mengenalpasti tahap bacaan Tahiyat Akhir murid melalui amali solat |

| PENYATAAN/ ITEM | CARA PENILAIAN | KUMPULAN SASARAN | TUJUAN |
|--------------------|-------------------|---------------------|---|
| Solat Subuh | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang pelaksanaan solat Subuh |
| Solat Zohor | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang pelaksanaan solat Zohor |
| Solat Asar | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang pelaksanaan solat Asar |
| Solat Maghrib | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang pelaksanaan solat Maghrib |
| Solat Isyak | Temubual | Semua respondan | |

| | | | |
|---|----------|-----------------|---|
| Solat Jumaat atau solat sunat | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang pelaksanaan solat Isyak |
| Tidak solat subuh kerana bangun lewat atau tidak tahu membaca doa Qunut | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang pelaksanaan solat Jumaat atau solat sunat |
| Tidak solat Zohor dan Asar kerana ke kuliah dan malas | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang alasan meninggalkan solat Subuh |
| Tidak solat Maghrib dan Isyak kerana penat dan tidur awal | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang alasan meninggalkan solat Zohor dan Asar |
| Tidak solat Maghrib dan Isyak kerana tidur lewat dan leka bermain gajet | Temubual | Semua respondan | Soal jawab secara lisan tentang alasan meninggalkan solat Maghrib dan Isyak |
| | | | Soal jawab secara lisan tentang alasan meninggalkan solat Maghrib dan Isyak |

Jadual 3-

Tinjauan Jadual 3- Tinjauan Pelaksanaan Solat

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Taburan Respondan

Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan respondan mengikut jantina yang terlibat dalam kajian. Seramai 30 orang respondan terdiri daripada 18 orang respondan lelaki dan 12 orang respondan perempuan telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Penguasaan Bacaan Solat

Jadual 2 telah menunjukkan hasil pemerhatian yang dijalankan terhadap respondan dan didapati ramai dalam kalangan respondan yang tidak dapat menguasai dengan baik bacaan dalam solat terutamanya dalam bacaan doa qunut. Seramai 22 orang respondan (73%) tidak dapat membaca doa

qunut dengan baik. Ini adalah kerana melalui pemerhatian dan temubual yang dijalankan mereka mengatakan bahawa doa tersebut terlalu panjang dan menyebabkan mereka menjadi malas untuk menghafaz. Kemampuan mereka untuk menghafaz juga menjadikan alasan yang mereka tidak dapat mengingatinya. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Muhamad Zahiri Awang Mat (2016) yang mendapati pelajar tidak dapat membaca doa qunut dengan baik. Selain daripada bacaan doa qunut, seramai 18 orang respondan (60%) tidak dapat membaca dengan lancar dalam bacaan doa iftitah. Ini adalah kerana mereka seringkali tidak membaca bacaan doa tersebut apabila menunaikan solat. Bacaan tahiyyat akhir juga adalah di antara bacaan dalam solat yang ramai respondan tidak dapat membaca dengan baik. Seramai 14 orang respondan (47%) mengatakan mereka sentiasa keliru bacaan dalam tahiyyat akhir. Bacaan duduk antara dua sujud pula, seramai 12 orang respondan tidak dapat membacanya dengan lancar dan ada di antara mereka yang lupa dan keliru walaupun bacaannya tidak panjang. Bagi bacaan rukuk, iktidal dan sujud semua respondan dapat membacanya dengan baik. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Raziah Binti Md Nasib (2016) yang mendapati pelajar tidak dapat menguasai bacaan dalam solat dengan baik.

Pelaksanaan Solat

Jadual 3 telah menunjukkan hasil temubual yang dijalankan terhadap respondan dan didapati semua respondan tidak menunaikan solat 5 waktu dengan sempurna. Ada dikalangan respondan yang meninggalkan 5 waktu solat atas alasan malas, leka bermain gajet dengan menghabiskan masa melayari media sosial, bermain *game* dan sebagainya. Selain itu, takut lewat ke kuliah juga menjadi alasan respondan meninggalkan solat. Terdapat respondan lelaki yang meninggalkan solat Jumaat dengan memberikan alasan tidur dan malas. Pelaksanaan solat fardu tidak diendahkan dikalangan respondan dan kebanyakan mereka tidak pernah melaksanakan solat sunat. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Hasna Bidin (2016) yang mendapati pelajar belum dapat melaksanakan amalan solat dengan konsisten dan masih perlu diperbaiki.

Kesimpulan

Berdasarkan tinjauan didapati hampir sebahagian pelajar tidak menguasai bacaan solat dengan baik dan tidak melaksanakan solat 5 waktu dengan sempurna. Ini adalah kerana melalui temu bual dan pemerhatian yang dijalankan mereka mengatakan bahawa ada bacaan yang terlalu panjang dan menyebabkan mereka menjadi malas untuk menghafaz. Selain itu ada dikalangan respondan yang mengatakan mereka malas dan leka dengan gajet. Bagi mengatasi permasalahan tersebut, adalah dicadangkan beberapa langkah bagi memperkuuhkan penguasaan bacaan dan perlaksanaan solat dikalangan pelajar.

Antaranya ialah melalui pelaksanaan program pengukuhan terhadap pelaksanaan solat. Program seumpama ini boleh dilaksanakan bagi pelajar yang lemah tahap pelaksanaan ibadah solat. Melalui bimbingan dan tunjuk ajar yang diajarkan oleh tenaga pengajar agama yang mempunyai kemahiran dalam bidang agama. Di samping itu, pemantauan dari masa ke semasa juga boleh dilaksanakan bagi memastikan pelajar dapat mempertingkatkan kemahiran pelaksanaan solat ke arah yang lebih baik dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang muslim. Secara tuntasnya, setiap daripada kita adalah berperanan dalam melahirkan generasi yang cemerlang bukan sahaja dalam aspek akademik, bahkan cemerlang dalam pelaksanaan syariat Allah s.w.t.

Rujukan

- Al-Misri, M. (2011). 400 Kesalahan dalam solat. Al Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Ust. Zaharuddin Abd.Rahman. 2008. *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn Bhd. Cetakan pertama.
- Zuhairi,Muhammad Aiman (2009). *Rahsia Mencapai Khusyuk Dalam Solat*. Pustaka al-Azhar, Johor Bahru
- Abd Rahman Abdullah. (1996). *Pendidikan Al-Quran Membina Minda Dan Jiwa Cemerlang*. Terbitan Perniagaan Jahabarsa.
- Ahmad Sunawari Long (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nur Faridah binti Abdullah @ Zakaria (2016). *Amalan Solat Fardhu Murid Tahun Tiga Di Sekolah Rendah*.
- Muhamad Zahiri Awang Mat, Syahidah Sarpan, Zanirah A.Bakar, Wan Suriani Wan Zaaba, Surayya Hani Sulaiman (2016). *Kajian Tindakan “Kem Bestari Solat” Dalam Meningkatkan Bacaan Doa’ Qunut*.
- Hasna Bin Bidin (2016). *Pelaksanaan Solat dalam Kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor*.
- Raziah Binti Md Nasib (2016). *Penguasaan Bacaan Rukun Qauli Dalam Solat dalam Kalangan Murid Tahun 4 Sekolah Rendah*.